

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JKE 214 - Ekonomi Buruh**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan di atas buku soalan ini.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.



Soalan 1 (12 markah)

(a) Nyatakan 3 faktor yang menyebabkan perbezaan upah.

(6 markah)

(b) Terangkan dan tunjukkan secara graf maksud pampasan perbezaan upah.

(6 markah)

...3/-

Soalan 2 (15 markah)

Pasaran buruh adalah paling efisien jika kedua-dua pasaran output dan input berada dalam keadaan pertandingan sempurna.

- (a) Nyatakan kehilangan bersih hasil daripada ketidakefisienan dalam peruntukan sumber jika pasaran input dipindahkan ke tangan pemonopsoni. (5 markah)
- (b) Tunjukkan yang kehilangan bersih akan bertambah jika pemonopoli mengambilalih pasaran output dalam kes (i). (5 markah)
- (c) Apakah kesatuan sekerja harus lakukan untuk menghapuskan segala kehilangan bersih bagi kes (ii). (5 markah)

## Soalan 3 (14 markah)

Upah keseimbangan pekerja di Ladang kelapa sawit PALMO dan beberapa kebun kecil kelapa sawit di Daerah Kesawit berada pada tahap  $W_e$ . Kesatuan sekerja PALMO telah berjaya memujuk kerajaan untuk memberi perlindungan kepada ahlinya dengan mengenakan upah minima pada  $W_m$ .

- (a) Terangkan dengan bantuan gambarajah yang dasar kerajaan ini akan membebaskan pekerja kebun kecil yang tidak dapat menikmati perlindungan tersebut.

(10 markah)

- (b) Terangkan yang perlindungan sebegini juga akan merugikan masyarakat disebabkan peruntukan input buruh yang kurang efisien.

(4 markah)

## Soalan 4 (14 markah)

Katakan sebuah ekonomi terdiri daripada 3 sektor: *A*, *B* dan *C* dan ketiga-tiga sektor ini perlukan tenaga buruh yang sama banyak. Terdapat jumlah tenaga buruh lelaki dan wanita yang sama dalam ekonomi. Polisi kerajaan ekonomi memperuntukkan sektor *A* dan *B* hanya untuk lelaki sahaja. Kesemua kaum wanita yang ingin bekerja di 'himpitkan' ke sektor *C*.

- (a) Apakah kesan polisi ini ke atas tingkat upah dan penggunaan buruh di ketiga-tiga sektor tersebut?

(8 markah)

- (b) Katakan sebuah kerajaan baru yang lebih efisien mengambilalih dan membenar mobiliti bebas antara buruh dalam ekonomi mengikut kebolehan dan produktiviti buruh tanpa mengira faktor jantina dan diskriminasi yang lain, apakah kebaikan bersih yang dapat dinikmati oleh ekonomi ini?

(6 markah)

Soalan 5 (16 markah)

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pengangguran kitaran (pengurangan permintaan)?

(4 markah)

- (b) Bagaimana kerajaan dapat menggunakan polisi fiskal dan kewangan untuk mengatasi jenis pengangguran tersebut?

(6 markah)

- (c) Penggunaan kedua-dua polisi fiskal dan kewangan secara keterlaluan (*excessively used*) hanya akan membawa kepada inflasi dan peningkatan upah nominal. Bincangkan.

(6 markah)

Soalan 6 (14 markah)

- (a) Apakah perbezaan antara inflasi tarikan permintaan dan inflasi tolakan kos?

(8 markah)

- (b) Terangkan bagaimana perubahan produktiviti buruh dan tingkat upah nominal dapat mempengaruhi inflasi tolakan kos.

(6 markah)

Soalan 7 (15 markah)

Terangkan konsep-konsep berikut:

(a) Pengangguran struktur.

(5 markah)

(b) Model '*Cobweb*'.

(5 markah)

(c) Keluk 'Lorenz'.

(5 markah)

- 0000000 -